

Ibu bapa perlu rujuk ke hospital jika anak mengadu sakit perut keterlaluan

# Kanak-kanak turut terkena radang apendiks

B.M. 02/02/08

M/S 19

Beliau berkata, walaupun bukan semua, ada juga kes apendisitis adalah masalah yang diwarisi sama ada daripada ibu atau bapa.

"Kerap kalinya punca apendisitis adalah masalah jangkitan seperti jangkitan virus daripada saluran gastro usus. Selain itu, ia boleh juga terjadi kerana sisa makanan atau serpihan najis terperangkap dalam ruang apendiks.

"Apapun, kedua-dua keadaan ini menyebabkan bakteria menghuni apendiks dan menjadikannya radang dan berranah. Tanpa rawatan segera, apendiks mungkin pecah," katanya.

Dr Ahmad Zulkiflee berkata, kadar progres apendisitis di kalangan kanak-kanak sangat cepat, iaitu dalam tempoh enam hingga lapan jam selepas mengadu sakit perut, apendiks boleh pecah.

"Justeru, apabila kanak-

Oleh Hafizah Iszahanid  
hafizah@bharian.com.my


**M**ASALAH apendiks yang radang bukan saja terhad kepada orang dewasa malah kanak-kanak turut mengalaminya dan mungkin lebih teruk kerana mereka tidak pandai menceritakan kesakitan yang dihadapi.

Masalah apendiks yang radang (atau istilah perubatan apendisitis) terjadi apabila bukaan daripada apendiks menuju ke tiub besar atau sekum (cecum) tersekat. Sekatan itu mungkin terjadi kerana lendir tebal dalam apendiks atau serpihan najis yang keras daripada tiub besar termasuk ke apendiks.

Atau mungkin, seperti kepercayaan sesetengah orang ada biji jambu atau biji cili

## INFO

### Anatomi apendiks




## Info

### Symptom apendiks

- Sakit perut bermula di pusat dan kemudian ke bahagian kanan abdomen.
- Demam dengan darjah kepanasan yang rendah.
- Hilang selera makan.
- Muntah
- Cirit-birit

ada di jejera atau di jejera  
tersekat dalam apendiks.  
Bagaimanapun, kes seperti itu  
sangat jarang berlaku.

Pakar Bedah Kanak-kanak,  
Hospital Pusrawi Sdn Bhd, Dr  
Ahmad Zulkiflee Laidin, ber-  
kata di kalangan kanak-kanak,  
apendisitis berlaku pada usia  
tiga hingga 12 tahun.



*Kerap kalinya punca  
apendisitis adalah  
masalah jangkitan  
seperti jangkitan  
virus daripada  
saluran gastro usus"*

**Ahmad Zulkiflee Laidin**  
Pakar Bedah Kanak-kanak, Hospital  
Pusrawi Sdn Bhd

kanak mengadu sakit perut  
yang keterlaluan, ibu bapa  
perlu lebih berwaspada teru-  
tama jika dia berusia lima tahun  
ke bawah," katanya.

Katanya, hampir 90 peratus  
kanak-kanak yang dibawa  
ke hospital kerana masalah  
apendisitis dikesan mengalami  
pecah apendiks.

Satu daripada sebabnya,  
katanya adalah sangat susah  
untuk mengesan simptom  
apendisitis di kalangan kanak-  
kanak kerana mereka sukar  
untuk membuat aduan kesaki-  
tan dengan tepat.

Ada juga kes serangan  
apendisitis terjadi dengan  
perlahan. Dalam keadaan ini,  
usus dan lemak di sekeliling  
apendiks akan menutupnya  
sebagai satu daripada ben-  
teng sistem imuniti tubuh.  
Ini menyebabkan rasa kesaki-  
tan yang amat sangat akan  
berkurangan tetapi apendiks  
boleh menjadi bengkak.

Dr Ahmad Zulkiflee berkata,  
ada kes apendiks yang bengkak  
boleh surut dengan sendiri  
diikuti rasa sakit yang boleh  
hilang dalam masa beberapa  
bulan. Keadaan ini dikate-  
gorikan sebagai keradangan  
apendiks yang kronik dan  
masih memerlukan rawatan.

#### **Rawatan**

Apendisitis tidak dirawat  
dengan antibiotik seperti  
kebanyakan penyakit lain.  
Rawatannya adalah dengan  
membuaya apendiks melalui  
pembedahan sama ada ia seka-  
daradang yang menyakitkan

atau sudah pecah.

Pembedahan hanya mengam-  
bil masa 20 minit hingga  
satu jam bergantung kepada  
keadaan pesakit manakala  
pemberian antibiotik diberi bagi  
mengawal jangkitan.

#### **Mengenali apendiks**

Semua orang dilahirkan dengan  
apendiks iaitu satu tiub sempit  
yang terletak di tiub besar  
(sekum) seperti cacing. Ia hanya  
memiliki satu bukaan. Lapisan  
dalaman apendiks menghasil-  
kan sejumlah kecil mukus yang  
mengalir ke sekum.

Dinding apendiks mengandungi  
tisu limfa sebagai sebahagian  
daripada sistem imun  
untuk menghasilkan antibodi.  
Seperti kolon, dinding apendiks  
juga mengandungi lapisan otot  
tetapi tidak terbentuk dengan  
sempurna.

Bagi manusia apendiks ini  
tidak berfungsi. Bagaimanapun,  
pada haiwan yang makan daun,  
apendiks berfungsi untuk  
menghadam semua selu-  
losa yang diperoleh daripada  
makanannya. Bagi manusia,  
apa yang dihadam tidak diserap  
atau dicerna tapi bagi haiwan  
pemakan daun, apendiksnya  
besar untuk menghadam selu-  
losa.

Saiz apendiks tidak melam-  
bangkan usia. Ada juga kanak-  
kanak yang memiliki saiz  
apendiks yang lebih besar dari-  
pada orang dewasa. Apendiks  
tidak menjadi sebarang masala-  
h selagi ia tidak menyebabkan  
kesihatan seperti mengalami  
keradangan.